



## PEMBERITAHUAN

### **JANGAN SEBAR KANDUNGAN YANG BOLEH UNDANG KEMARAHAN ORANG AWAM**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengingatkan orang ramai agar tidak menyalahgunakan media sosial dengan menyebarkan kandungan atau bahan yang berunsur kecaman terhadap sesebuah kumpulan, yang boleh menimbulkan kemarahan serta menjelaskan ketenteraman awam.

Pada masa yang sama, laporkan kepada pihak polis atau MCMC melalui portal <https://aduan.skmm.gov.my> atau e-mel kepada [aduanskmm@mcmc.gov.my](mailto:aduanskmm@mcmc.gov.my) sekiranya anda terjumpa akaun-akaun atau kandungan sedemikian untuk penelitian lanjut.

Sebarang perkongsian atau penyebaran kandungan yang bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**